



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 - 8 DISEMBER 2025 (SABTU - ISNIN)

KPKT Teliti Mikrochip Untuk Pendaftaran Digital Anjing Peliharaan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Tempatan	Dalam Talian	3 Dis



fotoBERNAMA

KPKT sedang meneliti sistem pendaftaran digital anjing peliharaan menggunakan mikrochip untuk pemantauan data pemilikan dan status haiwan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti pelaksanaan sistem pendaftaran digital bersepadu bagi anjing peliharaan melalui penggunaan teknologi mikrochip.

Timbalan Menterinya, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata

teknologi yang diterajui Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu bertujuan merekodkan data pemilikan dan status anjing.

“Ini membolehkan semua data pemilikan dan status anjing, termasuk pemilik serta rekod pelesenan, vaksinasi, pemandulan dan pemantauan, dapat dipantau dari semasa ke semasa,” katanya di Dewan Negara.

Beliau menjawab soalan Senator Che Alias Hamid mengenai kewajipan

mikrocip untuk kawalan pembiakan dan kuasa jelas kepada PBT untuk kawal populasi anjing liar.

Latihan turut diberikan kepada anggota PBT yang terlibat dalam operasi penangkapan anjing terbiar.

Kaedah tangkapan, tuntutan semula, adopsi atau penyerahan kepada NGO serta pelupusan merupakan amalan terbaik di kebanyakan negara bagi mengekang populasi anjing terbiar.

Latihan itu meliputi penggunaan peralatan secara beretika, kaedah tangkapan selamat, serta pematuhan kepada kebajikan haiwan.-[THESUN](#)

KPKT telah menyalurkan peruntukan RM180,000 pada tahun lepas dan RM130,000 tahun ini kepada PBT yang terlibat bagi menyokong Kempen Pengurusan Anjing Terbiar.

Kempen itu bertujuan memperkasa kesedaran masyarakat dan memupuk sikap pemilikan haiwan yang bertanggungjawab.

Sebanyak 37,538 aduan gangguan daripada anjing terbiar telah diterima pada tahun lalu.

Sebanyak 15,815 operasi dilaksanakan dan 66,264 ekor anjing terbiar berjaya ditangkap dalam operasi bersepadu.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19,354 ekor anjing telah diserahkan kepada JPV, dituntut semula oleh pemilik dan diadopsi melalui program anjing angkat.

KPKT Teliti Sistem Pendaftaran Mikrocip Pada Anjing Peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Dalam Talian	3 Dis



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 3 Disember – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti pelaksanaan sistem pendaftaran digital bersepadu bagi anjing peliharaan menggunakan teknologi mikrocip bagi memperkemas rekod pemilikan dan kawalan pembiakan haiwan itu.

Timbalan Menterinya, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, sistem berkenaan yang diterajui Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(JPV) akan membolehkan data pemilikan, status kesihatan dan rekod pelesenan anjing direkodkan dan dipantau secara berpusat.

"Penggunaan mikrocip ini membolehkan semua data pemilikan dan status anjing, termasuk rekod pelesenan, vaksinasi, pemandulan serta pemantauan, direkodkan dan dipantau dari semasa ke semasa," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara.

Beliau menjawab soalan

tambahan Senator Che Alias Hamid mengenai keperluan mewajibkan pemasangan mikrocip bagi mengawal pembiakan anjing serta memberikan kuasa jelas kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangkap dan mengurus populasi anjing liar.

Datuk Aiman Athirah turut menjelaskan kaedah tangkapan, tuntutan semula, adopsi, penyerahan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan pelupusan merupakan pendekatan terbaik yang diguna pakai di kebanyakan negara bagi mengekang pertumbuhan anjing terbiar.

Dalam usaha menyokong kempen berkenaan, KPKT telah menyalurkan RM180,000 tahun lalu dan RM130,000 tahun ini kepada beberapa PBT terlibat, khususnya bagi pelaksanaan Kempen Pengurusan Anjing Terbiar.

Kempen itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemilikan haiwan secara bertanggungjawab serta mengurangkan pembuangan anjing peliharaan yang menjadi punca pertumbuhan anjing liar.

Sepanjang tahun lalu, 37,538 aduan gangguan anjing terbiar diterima, dengan

15,815 operasi dilaksanakan dan 66,264 ekor anjing berjaya ditangkap dalam operasi bersepadu.

"Daripada jumlah itu, 19,354 ekor anjing diserahkan kepada JPV, dituntut semula pemilik atau diambil angkat melalui program adopsi," katanya.

Selain itu, anggota PBT terlibat turut diberi latihan berkaitan penggunaan peralatan secara beretika, kaedah tangkapan selamat serta pematuhan terhadap kebajikan haiwan bagi memastikan operasi dijalankan mengikut standard yang ditetapkan.-

[BERITARTM](#)

Kerajaan Giat Promosi Kempen Buah Tempatan, Perkasa Petani Tempatan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Sarawak	Dalam Talian	3 Dis



Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg melancarkan Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan. Foto Nadim Bokhari (TVS)

KUCHING, 3 Dis: Keperbagaian dan keenakan buah-buahan tempatan wilayah ini terus menyerlah melalui Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan yang dilancarkan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di pekarangan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, hari ini.

Menurut Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak, Dominic Chungat, kempen anjuran bersama Kementerian

Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD) itu bertujuan meningkatkan promosi dan pemerkasaan keluaran buah-buahan tempatan.

“Kempen ini bukan sekadar mempromosikan buah tempatan, tetapi satu inisiatif untuk membantu petani dan pengusaha meningkatkan pendapatan.

“Menteri kami selalu mengingatkan untuk sentiasa menghidang buah-buahan tempatan sebagai

usaha memartabatkan hasil tempatan,” katanya ketika ditemui media selepas pelancaran tersebut.

Jelas beliau, pihaknya melahirkan rasa bangga terhadap inisiatif tersebut yang kembali untuk edisi kedua dengan kerjasama lebih meluas melibatkan tujuh agensi utama.

Antara tujuh agensi itu termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan Lembaga Industri Getah Sarawak.

Pada masa yang sama, DOA juga menetapkan empat buah-buahan tempatan utama untuk diperkasakan iaitu pisang, nanas, kelapa dan durian.

Mengulas lanjut, Dominic menjelaskan bahawa kempen ini telahpun dimasukkan dalam perancangan rasmi jabatan dan berpotensi dianjurkan pada setiap persidangan DUN akan datang.

“Perancangan kita adalah untuk terus menganjurkannya pada persidangan DUN seterusnya kerana ini merupakan salah satu platform terbaik untuk memperkenalkan

buah-buahan tempatan,” ujarnya lagi.

Dalam majlis sama, Jabatan Pertanian Sarawak turut melancarkan Majalah Agro Kenyalang Edisi ke-19, sebagai saluran penyampaian maklumat, perkongsian pencapaian serta inspirasi untuk seluruh warga pertanian di Sarawak.-

[TVSARAWAK](#)

Malaysia Bans Most Pork Imports From Spain Due To Swine Fever Outbreak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Yahoo! News	Reuters	Dalam Talian	5 Dis



A butcher sells pieces of pork to a customer at a market stall in Madrid, Spain, June 17, 2024. REUTERS/Juan Medina

KUALA LUMPUR, Dec 5 (Reuters) - Malaysia has banned most imports of pork and pork products from Spain with immediate effect following an outbreak of African swine fever there, the Veterinary Services Department said on Friday.

The ban excludes retort products, the department said in a statement.

The virus was first detected late last month in wild boars in an area near Barcelona, and more cases have since

been found.

The department said Spanish pork products may still be considered for import if the consignments are accompanied by a veterinary health certificate issued by Spanish authorities on or before November 28 saying the date of slaughter was before November 14 and the date of processing was before November 28.-

[YAHOO!NEWS](#)

Malaysia Halts Spanish Pork Imports Amid Swine Fever Concerns

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dev Discourse	News	Dalam Talian	5 Dis



This image is AI-generated and does not depict any real-life event or location. It is a fictional representation created for illustrative purposes only.

Malaysia has imposed a ban on most Spanish pork and pork products imports due to an outbreak of African swine fever near Barcelona. The ban does not apply to retort products, and exemptions exist for products certified before specified dates.

Malaysia has swiftly moved to ban the import of most pork and pork products from Spain, effective immediately, following an outbreak of African swine fever. The announcement came from the Veterinary Services

Department on Friday.

The ban, however, excludes retort products. The virus, initially detected in wild boars near Barcelona late last month, has led to further cases in the region.

Despite the restriction, Spanish pork products may still be imported if the consignments are verified by a Spanish veterinary health certificate, confirming that the date of slaughter was before November 14 and processing was completed before November 28.

Usaha Kurangkan Peranan 'Orang Tengah' Akan Diperhebat – Jamawi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	5 Dis



KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah akan memperhebat usaha mengurangkan peranan orang tengah dalam rantai pemasaran hasil pertanian dan penternakan, khususnya melibatkan industri ayam, bagi memastikan harga yang lebih stabil dan adil kepada pengusaha serta pengguna.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Datuk Jamawi Jaafar berkata, peranan orang tengah dikenal pasti sebagai antara punca utama yang menyebabkan harga ayam tempatan menjadi lebih

mahal berbanding ayam import, sekali gus menekan pengusaha tempatan dan membebankan pengguna.

Katanya, kerajaan akan mengadakan sesi libat urus dalam masa terdekat yang melibatkan pengusaha, penternak ayam, pengimport serta pengguna bagi mencari penyelesaian menyeluruh terhadap isu tersebut.

“Apabila ayam tempatan menjadi lebih mahal, pengguna cenderung memilih ayam import. Keadaan ini menyebabkan pengusaha tempatan

mengadu kerana perniagaan mereka berisiko merosot jika masalah ini berterusan.

“Dalam masa yang sama, pengguna mahukan harga yang lebih murah. Di sinilah peranan orang tengah didapati memainkan pengaruh besar terhadap kenaikan harga dari peringkat pengeluaran kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengadakan lawatan ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah di sini pada Khamis.

Jamawi menegaskan, kerajaan tidak menggunakan pendekatan keras, sebaliknya memilih untuk mengurangkan secara berperingkat peranan orang tengah dalam pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan di negeri ini.

“Berdasarkan kepada hukum penawaran dan permintaan, kadang-kadang apabila permintaan meningkat, harga turut naik dan orang tengah mendapat keuntungan di atas angin. Keadaan inilah yang kita mahu kawal,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan akan memperkasakan peranan Sabah Agricultural Marketing Board (SAMA) yang kini

diletakkan di bawah kementerian, dengan fokus utama terhadap urusan pemasaran, pembelian dan eksport hasil-hasil pertanian serta ternakan.

“SAMA yang dihidupkan semula ini bukan seperti yang dahulu. Fungsinya lebih tertumpu kepada aspek pemasaran, termasuk pembelian dan eksport, dan akan diperkasakan dalam tempoh lima tahun bagi mengimbangi penguasaan orang tengah,” jelasnya.

Dalam masa yang sama, Jamawi memaklumkan bahawa tahap Sara Diri (SSL) bekalan ayam di Sabah kini telah mencapai kira-kira 95 peratus, namun masih dibayangi isu penyeludupan dan lambakan ayam import.

Katanya, jika peranan orang tengah dapat dikurangkan dan harga ayam tempatan dapat ditawarkan dengan lebih kompetitif, ia bukan sahaja membantu pengusaha tempatan, malah mampu mengekang penyeludupan serta menjamin keselamatan dan status halal makanan rakyat. – [SABAH MEDIA](#)

**Belanjawan Pahang 2026 : Pahang Peruntuk RM68.63 Juta
Perkasa Penternakan, Pertanian, Perikanan**

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Pahang Media	Dun	Dalam Talian	5 Dis



KUANTAN, 05 DISEMBER 2025 : Kerajaan Negeri Pahang memperkasa tiga sektor utama iaitu penternakan, pertanian dan perikanan melalui pembangunan teknologi moden dengan peruntukan sebanyak RM68.63 juta tahun hadapan.

Menurut YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, ini bagi memastikan agenda keterjaminan makanan di negeri ini terus diperkukuh secara strategik dan bersepadu.

“Bagi merencanakan sektor

penternakan, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM24.7 juta merangkumi RM23.55 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan; RM650,000 bagi Projek Peningkatan Genetik Ternakan dan peluasan Projek Wagyu Pahang; dan RM500,000 melalui Skim Makmur Ternak untuk membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti pengeluaran.

“Bagi sektor pertanian pula, Kerajaan Negeri

memperuntukkan RM42.63 juta merangkumi RM40.63 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan; dan RM 2 juta untuk menganjurkan Program MAHA Pahang sebagai platform pemerkasaan agroekonomi dan agropelancongan.

“Bagi sektor perikanan pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.3 juta yang merangkumi RM600,000 bagi Program Pembangunan Kualiti Perikanan Darat, Konservasi Baka Ikan Asli dan Pengembangan Akuakultur di bawah Rancangan Perikanan Negeri Pahang; RM250,000 bagi Kempen Penghapusan Ikan Asing termasuk mengekang ancaman ikan baung ekor merah dan bukannya untuk dikomersialkan; RM250,000 bagi Program Pelepasan Benih Ikan Asli ke perairan umum seluruh negeri; dan RM200,000 bagi menganjurkan Karnival Nelayan Darat 2026 untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap konservasi dan industri perikanan air tawar,” katanya.

Kerajaan Negeri Pahang juga turut memperuntukkan RM8.3 juta bagi program keusahawanan yang merupakan pemacu penting pembangunan ekonomi

rakyat negeri ini.

“Untuk itu, Program Usahawan Makmur diteruskan pada tahun 2026 dengan peruntukan RM5 juta bagi membantu usahawan menembusi pasaran baharu, meningkatkan jualan serta memperkukuh daya saing produk tempatan.

“Bagi membantu penjaja dan peniaga kecil berlesen di seluruh negeri, Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Makmur Pahang memperuntukkan RM3 juta bagi pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 sedia ada seluruh negeri Pahang.

“Seterusnya, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM300,000 bagi memastikan rakyat memahami hala tuju ekonomi negeri melalui Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang atau PET-30,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan Pahang 2026 di Wisma Sri Pahang hari ini. - [PAHANGMEDIA](#)

Belanjawan Negeri Pahang 2026: Hapus Ancaman Ikan Asing Di Pahang Diberi Tumpuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Pahang	Dalam Talian	5 Dis



Wan Rosdy (gambar kecil) memberitahu peruntukan RM250,000 bagi Kempen Penghapusan Ikan Asing pada sesi pembentangan Belanjawan negeri di persidangan DUN di Wisma Sri Pahang di sini pada Jumaat

KUANTAN – Usaha memulihara ekosistem perairan darat di Pahang diberi tumpuan apabila sebahagian peruntukan sektor perikanan 2026 disalurkan untuk mengekang ancaman ikan asing mengganggu keseimbangan biodiversiti.

Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, langkah itu melibatkan RM250,000 bagi Kempen Penghapusan Ikan Asing, termasuk

mengekang ikan baung ekor merah dan bukan untuk dikomersialkan.

"Saya minta Yang Amat Berhormat ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Cheka, kerana kerajaan negeri memikirkan cadangan untuk komersial ikan baung merah adalah tidak boleh menyelesaikan masalah.

"Jadi pentingnya ialah kita kena hapuskan ikan asing ini dan disebabkan itu kita peruntukkan RM250,000,"

katanya ketika pembentangan Belanjawan Negeri 2026 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Sri Pahang di sini pada Jumaat.

Belanjawan tersebut bertema 'Pahang 1st: Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan' dengan menggariskan tujuh teras utama.

Menurut Wan Rosdy, inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada peruntukan keseluruhan RM1.3 juta bagi sektor perikanan

Kata beliau, daripada jumlah itu, sebanyak RM600,000 diperuntukan bagi Program Pembangunan Kualiti Perikanan Darat, Konservasi Baka Ikan Asli dan Pengembangan Akuakultur serta RM250,000 bagi Program Pelepasan Benih Ikan Asli ke perairan umum seluruh negeri.

"Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap konservasi dan industri perikanan air tawar kerana memperuntukkan RM200,000 untuk penganjuran Karnival Nelayan Darat 2026,"

Dato' Sri Diraja memaklumkan agenda keterjaminan makanan negeri turut memberi

tumpuan kepada sektor penternakan dan pertanian, dengan peruntukan keseluruhan RM68.63 juta bagi tahun 2026.

Jelas beliau, bagi sektor penternakan, sebanyak RM24.7 juta diperuntukkan termasuk RM23.55 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan.

"Projek Peningkatan Genetik Ternakan termasuk peluasan Projek Wagyu Pahang pula melibatkan dana RM650,000.

"Sebanyak RM500,000 diberikan melalui Skim Makmur Ternak sekaligus membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti pengeluaran," jelas.

Menyentuh sektor pertanian, Wan Rosdy menjelaskan sebanyak RM42.63 juta merangkumi RM40.63 juta disalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan.

"RM2 juta untuk penganjuran Program MAHA Pahang sebagai platform pemerkasaan agroekonomi dan agropelancongan," katanya.-[SINARHARIAN](#)

Rasuah Penternakan Lembu: Ahli Parlimen, Ahli Perniagaan Dituduh Isnin Ini

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	6 Dis



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP.

Kuala Lumpur: Dua individu termasuk seorang Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) akan dituduh di mahkamah Isnin ini berhubung dakwaan rasuah yang berkaitan dengan usaha sama penternakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, pertuduhan terhadap Ahli Parlimen dan seorang ahli perniagaan itu akan dibuat di mahkamah Shah Alam, Selangor.

"Ahli Parlimen berkeenaan akan didakwa di bawah Seksyen 28 (1) (c) Akta SPRM 2009 dengan satu pertuduhan, iaitu bersubahat menerima rasuah.

"Ahli perniagaan pula akan didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009 dengan dua pertuduhan, iaitu meminta dan menerima rasuah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Khamis lepas, SPRM telah menahan Ahli Parlimen terbabit bagi siasatan kes melibatkan usaha sama

ternakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah manakala ahli perniagaan berkenaan telah ditangkap pada Mac lepas dan dilepaskan dengan jaminan.

Siasatan yang dijalankan sejak Februari lepas melibatkan dakwaan penerimaan kira-kira RM400,000 sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan tanah untuk projek fidlot.

Susulan itu, kertas siasatan telah dibuka susulan aduan diterima pada 10 Feb lepas dan 15 saksi telah dirakam percakapan.-[MYMETRO](#)

Ahli Parlimen Padang Serai Akan Didakwa Isnin Ini

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Dalam Talian	6 Dis



PETALING JAYA – Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin dijangka dituduh pada Isnin ini berhubung dakwaan rasuah berkaitan projek usaha sama penternakan lembu milik kerajaan negeri.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

“Beliau (Azman) akan didakwa bersama seorang lagi individu,” katanya ringkas ketika dihubungi.

Media semalam melaporkan seorang Ahli Parlimen ditahan SPRM Kedah berkaitan kes melibatkan usahasama ternakan lembu (fidlot) milik kerajaan negeri. Siasatan dijalankan sejak Februari lalu melibatkan dakwaan menerima RM400,000 sebagai balasan bagi membantu mendapatkan hak penggunaan tanah untuk projek fidlot.

Malah, Azman sendiri semalam mengesahkan penahanannya dan mengaku akan dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Isnin

ini.

Pertuduhan dijangka dibuat di bawah Seksyen 53(3) Akta SPRM 2009 berkait projek usahasama ternakan lembu kerajaan negeri yang didakwa mempunyai unsur 'pengaruh politik'. – [KOSMO! ONLINE](#)

PGA Kunak, JPV Rampas 81 Ayam Sabung

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Daily Express	News	Dalam Talian	7 Dis



KUNAK: Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 22 Kunak bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPV) Cawangan Kunak merampas 81 ekor ayam sabung dari luar negara di Kg Sungai Atas, di sini, Khamis.

Seorang lelaki warga Indonesia berumur 51 tahun turut ditahan dalam Operasi Bersepadu Khazanah (OP Manok) itu.

Menurut kenyataan rasmi Batalion PGA Kunak, serbuan dilakukan pada jam 9.15 pagi di sebuah rumah tidak

bernombor selepas risikan mendapati premis berkenaan menyimpan ayam sabung tanpa kebenaran atau lesen sah.

Dalam operasi itu, pihak berkuasa turut menemui pelbagai ubat-ubatan, kandang, sangkar besi dan peralatan lain dipercayai digunakan dalam aktiviti sabung ayam.

Suspek mengaku mengendalikan dan mengurus premis tersebut serta mengakui terlibat dalam aktiviti berkenaan sejak 1992.

“Hasil pemeriksaan awal mengesahkan premis berkenaan digunakan untuk memelihara, menjaga dan menjual ayam sabung,” menurut kenyataan itu. Rampasan ubat-ubatan pelbagai jenis dipercayai diimport dari Thailand dan Filipina bagi tujuan meningkatkan prestasi fizikal ayam tanpa kelulusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah. mengesan rangkaian penyeludupan serta kegiatan jenayah lain dalam kawasan tanggungjawab masing-masing, selain mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang.-

[DAILYEXPRESS](#)

Menurut PGA Kunak, modus operandi kegiatan ini melibatkan penyeludupan ayam sabung dari luar negara secara tidak sah melalui laluan darat sebelum dihantar ke kawasan sekitar Semporna dan Lahad Datu.

“Ayam-ayam ini kemudian dijual pada harga antara RM3,000 hingga RM5,000 seekor kepada pihak yang terlibat dalam perjudian sabung ayam di pantai barat dan timur Sabah,” menurut kenyataan itu.

Keseluruhan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM290,858. Suspek dan barang kes telah diserahkan kepada JPV Cawangan Kunak untuk tindakan lanjut di bawah Seksyen 15(1) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.

Batalion 22 PGA Kunak menegaskan pihaknya akan terus memperkukuh usaha

Animal Village Construction To Begin In 2026, Completed By End-2027

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Borneo Post	Sarawak	Dalam Talian	7 Dis



KUCHING (Dec 7): The Sarawak Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SSPCA) has finally set a timeline for its long-awaited Animal Village.

Speaking at the Christmas Charity Bazaar on Sunday, SSPCA president Datin Sri Dona Drury Wee said construction of the new facility is expected to begin in 2026, following confirmed funding from the Premier's Office as well as public donations collected over the years.

"We are now renegotiating

the contract and construction should take 20 months, so by the end of 2027 we should be in our new home," she said.

Dona was previously reported as saying that the Animal Village would be built on a 1.2-hectare site in Sungai Tapang, replacing its current shelter at Mile 6½ Penrissen Road.

She also highlighted several future collaborations with government agencies and other organisations.

"Together with the

Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak, Sarawak State Health Department, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), and local councils, our team has continued supporting vaccination efforts, community outreach, school education, and awareness programmes.

Wee Hong
BORNEOPOST

Seng.-


“Next year, these agencies will be working together with Sarawak State Disaster Management Committee (SDMC) to do a dog census in Kuching, followed by an intensive vaccination programme for Kuching and Batu Kawa; working with World Veterinary Services and Mission Rabies,” she added.

In 2025 alone, SSPCA successfully neutered and vaccinated over 700 animals in Kuching and Bau, supported by donations and grants from Yayasan Hasanah and All-Party Parliamentary Group Malaysia for the Sustainable Development Goals (APPGM-SDG).

“Through our neutering programmes—especially in high-risk and underserved areas—we are reducing stray populations humanely and sustainably,” she said.

Also present at the event was Kuching South Mayor Dato

Surging Malaria Deaths, Vaccine Policy Shift, and Pork Import Ban Highlight Health Concerns			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dev Discourse	Health	Dalam Talian	7 Dis



The WHO reports a rise in malaria deaths to 610,000 in 2024 due to increased drug resistance, climate change, and funding cuts. U.S. vaccine advisers revise hepatitis B guidance, limiting it to certain cases, reversing years of progress. Malaysia bans most pork imports from Spain amid African swine fever outbreak.

A significant increase in malaria deaths has been reported by the World Health Organization for 2024, with fatalities rising to approximately 610,000. The organization warns of

increased dangers from drug-resistant strains, climate implications, and decreasing funding, calling attention to the heightened risks faced primarily by young children in sub-Saharan Africa.

In a dramatic policy shift, U.S. health advisers have abandoned a longstanding recommendation for universal hepatitis B vaccination for newborns. This change, championed by health secretary Robert F. Kennedy Jr., restricts the dose to infants whose mothers have unknown or

positive hepatitis B status, a move seen as a setback by many health experts.

Amid concerns over an African swine fever outbreak, Malaysia has imposed a ban on most pork imports from Spain, announced the Veterinary Services Department. The restriction, which comes into effect immediately, exempts only retort pork products, highlighting the ongoing challenges in global animal health management.-

[DEVDISCOVERS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR